

# MESYUARAT PEGAWAI PERKHIDMATAN ANGGOTA (PPA) DAN KETUA KERANI (KK) UNIT- UNIT TUDM TAHUN 2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5493-mesyuarat-pegawai-perkhidmatan-anggota-ppa-dan-ketua-kerani-kk-unit-unit-tudm-tahun-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5493-mesyuarat-pegawai-perkhidmatan-anggota-ppa-dan-ketua-kerani-kk-unit-unit-tudm-tahun-2019)

KUALA LUMPUR, 9 Okt 19 – Mesyuarat Pegawai Perkhidmatan Anggota dan Ketua Kerani unit TUDM telah diadakan dari 8 Okt hingga 9 Okt 19 di Dewan Angkasaraya, Pangkalan Udara Kuala Lumpur.

Mesyuarat anjuran MTU-BSM (Cawangan Pengurusan) yang dipengerusikan oleh Pengarah Pengurusan Sumber Manusia, Lt Kol Mohd Sam bin Mohd Yusof TUDM ini melibatkan 32 buah unit dalam TUDM iaitu 31 orang Pegawai Perkhidmatan Anggota dan 27 orang Ketua Kerani.

Objektif mesyuarat ini bagi menyampaikan dasar dan arahan terkini dalam Cawangan Tadbir, menyelaraskan pemahaman dan tatacara kerja dokumentasi pegawai dan anggota LLP selain mendapatkan maklumbalas permasalahan yang berlaku dari setiap pasukan.

Selain membincangkan isu - isu berkaitan tugas PPA, mesyuarat selama 2 hari ini juga telah mendapatkan idea dari peserta dan menghasilkan resolusi baru yang diharap dapat memacu Cawangan Tadbir ke arah kecemerlangan.



